

TAHAP KEBERKESANAN MEDIA INTERPRETASI PERSONAL DAN GRAFIK DI
TAMAN NEGARA TANJUNG PIAI

NOR AKASHAH BINTI KASSIM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**“TAHAP KEBERKESANAN MEDIA INTERPRETASI PERSONAL DAN
GRAFIK DI TAMAN NEGARA TANJUNG PIAI”**

NOR AKASHAH BINTI KASSIM

Disertasi ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat Penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Perancangan Pelancongan)

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2015

Saya dedikasikan untuk ibubapa tercinta

KASSIM BIN GAFFAR

MERIAM BINTI LONG

Untuk adik-beradik tersayang

KAMARIAH KASSIM

NORAINI KASSIM

NOR KAMARUDIN MUAZAM SHAH KASSIM

NOR NAZATUL SHAHIMA KASSIM

NOR HALIMATUL SAADIAH KASSIM

NOR HALIM KASSIM

MOHD OTHMAN KASSIM

Dan rakan-rakan seperjuangan

PENGHARGAAN

BismillahirRahmanirRahim

Syukur Alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahnya memberi kekuatan untuk saya menyempurnakan tesis ini sebagai memenuhi syarat bagi penganugerahan Sarjana Sains Perancangan Pelancongan, Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia.

Saya merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada pensyarah penyelia dan pembimbing saya iaitu Prof. Dr. Zainab binti Khalifah yang sentiasa sudi memberi bimbingan dan nasihat bagi kepada saya sehingga terhasilnya kajian yang telah sempurna ini. Ribuan terima kasih juga dirakamkan kepada para pensyarah kursus Sarjana Sains Perancangan Pelancongan khususnya, Prof. Dr. Amran bin Hamzah, Dr. Hairul Nizam bin Ismail dan Dr Norhazliza binti Abdul Halim.

Istimewa penghargaan ini ditujukan buat keluarga tersayang yang sentiasa menjadi pendorong dalam meneruskan perjuangan ini. Pengorbanan, kesabaran, ketabahan dan sifat memahami yang ditunjukkan tidak terbalas. Buat rakan-rakan seperjuangan, pengalaman serta tunjuk ajar kalian tidak ternilai.

Kepada pihak-pihak yang banyak membantu terutama Perbadanan Taman Negara Johor dalam proses menghasilkan kajian penyelidikan ini, terima kasih yang tidak terhingga di atas bantuan dan kerjasama yang diberikan. Semoga segala jasa yang diberikan dapat membantu mereka yang memerlukan.

Wassalam

ABSTRAK

Industri pelancongan merupakan satu industri yang semakin berkembang pesat di merata dunia. Interpretasi disesuatu kawasan pelancongan khususnya di kawasan perlindungan alam sekitar bertujuan memberi maklumat dan mendidik pelawat. Ia merupakan proses meningkatkan pemahaman pelawat menggunakan sumber interpretasi yang ada disekitar kawasan yang dilawati. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti jenis-jenis media interpretasi yang menjadi tarikan dan minat di kalangan pelajar sekolah menengah di Taman Negara Tanjung Piai. Kajian ini mengkaji tahap keberkesanan interpretasi sedia ada dikalangan pelajar sekolah menengah. Selain itu, kajian ini turut mendapatkan pandangan dan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian untuk peningkatan keberkesanan media interpretasi. Kemudiannya, proses analisis data dilaksanakan menggunakan kaedah peratusan kekerapan, skor min dan sisihan piawai. Dapatan kajian mendedahkan pilihan media interpretasi yang menjadi pilihan utama bagi pelajar sekolah menengah iaitu papan tanda bermaklumat. Selain itu, didapati juga terdapat tiga media yang lebih berkesan berbanding empat media interpretasi yang dikaji iaitu buku panduan/risalah/brosur, galeri pameran dan jurupandu/renjer/interpreter. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak pengurusan taman negara bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disediakan untuk pelawat.

ABSTRACT

The tourism industry is known as a rapidly growing industry throughout the world. An interpretation of a particular tourism area specifically in an environmental protection type of area bears the purpose of conveying information as well as educating visitors. Such process is to raise visitors' understanding using interpretation resources that exist throughout the visited area. The purpose of this study is to identify the types of interpretation media that has been established as an attraction and interest among secondary school students in Tanjung Piai National Park. This study emphasises on the effectiveness level of the existing interpretation among secondary school students. Apart from that, the appropriate views and suggestions for the improvement of interpretation media effectiveness are also acquired. Subsequently, data analysis process is implemented using frequency percentage, mean score, and standard deviation methods. Study findings have revealed that the main interpretation media option of choice among secondary school students is the notice board. Apart from that, it has been discovered that there are three media that are more effective as opposed to four interpretation media. Three of the aforementioned media are guide book/leaflet/brochure, exhibition gallery, and guide/ranger/interpreter. It is hoped that results of this study findings are able to assist national park management in improving its' quality of available services to the visitors.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
BAB 1	PENGENALAN	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Penyataan Masalah	5
	1.3 Persoalan Kajian	10
	1.4 Objektif Kajian	10
	1.5 Skop Kajian	11
	1.6 Pendekatan Kajian	11
	1.6.1 Peringkat Awalan	11
	1.6.2 Peringkat Pengumpulan Data	11
	1.6.3 Peringkat Analisis Data	12
	1.6.4 Peringkat Rumusan	12

1.7	Kawasan Kajian	14
1.7.1	Pengenalan	14
1.7.2	Latarbelakang Pembangunan TNTP	14
1.7.3	Keunikan dan Tarikan Utama TNTP	16
1.7.4	Kemudahan TNTP	18
1.7.5	Inventori Media Interpretasi TNTP	21
1.8	Kepentingan Kajian	23
1.8.1	Pelawat Taman Negara Tanjung Piai	23
1.8.2	Pihak Perbadanan Taman Negara Johor	23
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	24
2.2	Prinsip-prinsip Interpretasi	26
2.3	Jenis-jenis media interpretasi	30
2.4	Keberkesanan dalam Interpretasi	33
2.4.1	Ciri-ciri keberkesanan Buku Panduan/Risalah/Brosur	38
2.4.2	Ciri-ciri keberkesanan papan tanda bermaklumat	38
2.4.3	Ciri-ciri keberkesanan Galeri Pameran	39
2.4.4	Ciri-ciri keberkesanan jurupandu/ <i>renjer/interpreter</i>	40
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	41
3.2	Sumber Data	42
3.2.1	Data Premier	42
3.2.2	Data Sekumder	42
3.3	Rasional Pemilihan Populasi	42

3.4	Sampel	43
3.5	Instrumen Kajian	43
3.5.1	Pengedaran Borang Soal Selidik	45
3.5.2	Pembahagian Borang Soal Selidik	48
3.5.3	Pemerhatian dan tinjauan	53
3.6	Kaedah Analisis Data	53
3.7	Andaian	54
BAB 4	ANALISIS DATA KAJIAN	
4.1	Pengenalan	55
4.2	Analisis Profil Demografi Pelawat	57
4.2.1	Umur	59
4.2.2	Jantina	59
4.2.3	Maklumat Lawatan Pertama	59
4.2.4	Kekerapan Lawatan Pelawat	60
4.2.5	Purata Lawatan Pelawat	61
4.3	Analisis Penggunaan Media Interpretasi	62
4.3.1	Buku panduan/risalah/brosur	64
4.3.2	Papan Tanda Bermaklumat	64
4.3.3	Galeri Pameran	65
4.3.4	Jurupandu/renjer/ <i>interpreter</i>	65
4.3.5	Urutan Keutamaan Media Interpretasi	66
4.4	Analisis Tahap Keberkesanan Media Interpretasi	67
4.5	Analisis Cadangan Penambahbaikan Media Interpretasi	79
4.6	Kebergantungan tahap penggunaan media interpretasi	

oleh pelawat

86

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan	97
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	97
5.3	Cadangan Kajian	100
5.3.1	Penambahbaikan media interpretasi sedia ada	100
5.3.2	Mewujudkan Media Interpretasi yang Interaktif	102
5.3.3	Promosi	104
5.3.4	Kebersihan	104
5.4	Kesimpulan	105
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	106
	RUJUKAN	108
	LAMPIRAN	111

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.7.5	Jenis-jenis Media Interpretasi	22
Jadual 2.4.1	Ciri-ciri Buku Panduan/risalah/brosur yang Berkesan	38
Jadual 2.4.2	Ciri-ciri Papan Tanda Bermaklumat yang Berkesan	39
Jadual 2.4.3	Ciri-ciri Galeri Pameran yang Berkesan	39
Jadual 2.4.4	Ciri-ciri Jurupandu/renjer/ <i>interprete</i> ryang Berkesan	40
Jadual 3.3.2	<i>Krejcie and Morgan Sample Size</i>	44
Jadual 3.5.1	Jumlah Responden Kaedah Bersemuka di Tapak Kajian	46
Jadual 4.2	Taburan Ciri-Ciri Profil Pelawat	58
Jadual 4.3.1	Penggunaan Media Interpretasi	62
Jadual 4.3.2	Taburan Penggunaan media interpretasi	63
Jadual 4.3.5	Urutan Keutamaan Media Interpretasi oleh Responden	66
Jadual 4.4.1	Tahap Keberkesanan Buku Panduan/Risalah/Brosur	67
Jadual 4.4.2	Peratus Tahap Keberkesanan Buku Panduan/Risalah/Brosur	68
Jadual 4.4.3	Tahap Keberkesanan Papan Tanda Bermaklumat	70
Jadual 4.4.4	Peratus Tahap Keberkesanan Papan Tanda Bermaklumat	71
Jadual 4.4.5	Tahap Keberkesanan Galeri Pameran	73
Jadual 4.4.6	Peratus Tahap Keberkesanan Galeri Pameran	74
Jadual 4.4.7	Tahap Keberkesanan Jurupandu/renjer/ <i>Interpreter</i>	76
Jadual 4.4.8	Peratus Tahap Keberkesanan Jurupandu/renjer/ <i>Interpreter</i>	77
Jadual 4.5.1	(a) Kod Cadangan Penambahbaikan Media Interpretasi	80
	(b) Cadangan Penambahbaikan Media Interpretasi	81
Jadual 4.5.2	Cadangan Lain dalam Menambahbaik Keberkesanan Lawatan	84
Jadual 4.6.1	Kolerasi antara Penggunaan Media Intepretasi dan Keberkesanannya	87

Jadual 4.6.2	Kolerasi antara Penggunaan Buku Panduan/risalah/brosur dengan keberkesanan interpretasi media	88
Jadual 4.6.3	Kolerasi antara Penggunaan Papan tanda Bermaklumat dengan keberkesanan interpretasi media	90
Jadual 4.6.4	Kolerasi antara Penggunaan Galeri Pameran dengan keberkesanan interpretasi media	92
Jadual 4.6.5	Kolerasi antara Penggunaan Jurupandu/renjer/ <i>interpreter</i> dengan keberkesanan interpretasi media	94

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.2	Rangka Kajian Tahap Keberkesanan Media Interpretasi	8
Rajah 1.6.4	Carta aliran Pendekatan Kajian	13
Rajah 1.7.1	Lokasi Taman Negara Tanjung Piai	15
Rajah 1.7.3	Mercu Tanda Taman Negara Tanjung Piai	17
Rajah 2.2	Proses Interpretasi	29
Rajah 2.3	Model <i>Mindfulness Visitor</i>	35
Rajah 3.5.1	Peratusan Pengumpulan Borang Soal Selidik/Responden	48

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Industri pelancongan merupakan satu industri yang semakin berkembang pesat di merata dunia. Pelancongan bukan sekadar sebagai aktiviti sosial malah menjadi sumber utama ekonomi yang paling penting kepada sesuatu negara. Peningkatan jumlah pelancong dalam negeri dan antarabangsa yang semakin tinggi jumlahnya mendorong beberapa buah negara kini berusaha memajukan industri pelancongan untuk mendapat tukaran asing yang lumayan.

Malaysia antara negara yang mempunyai sumber utama ekonomi dari industri pelancongan. Berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-10 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (2010), Malaysia berada dikedudukan ke-16 dari segi pendapatan pelancongan global (Mahathor, 2013). Usaha bagi menjadikan Malaysia setanding negara-negara lain diperingkat global ke arah menjadi antara 10 negara teratas dari segi pelancongan juga dapat dilihat dengan sasaran Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia iaitu kehadiran 36 juta pelancong seterusnya menjana pendapatan sebanyak RM168 billion menjelang tahun 2020. Salah satu projek

permulaan ke arah aspirasi tersebut ialah bertemakan kembara alam semulajadi dengan projek memartabatkan Malaysia sebagai hab biodiversiti global. Berdasarkan pada laporan dari Konvensyen Diversiti Biologi, Malaysia dianugerahkan dengan biodiversiti yang melimpah ruah dan menduduki tangga ke-12 di peringkat global. Biodiversiti disini merujuk kepada variasi bentuk kehidupan dalam sebuah ekosistem, sama ada flora ataupun fauna.

Melihat kepada aspek biodiversiti ini, ia sangat berkait rapat dengan konsep eko-pelancongan atau pelancongan berasaskan semulajadi. Berdasarkan *World Tourism Organization* WTO (1997), konsep eko-pelancongan memberikan penekanan kepada memaksimumkan tempat tarikan yang berasaskan ekologi termasuklah kawasan pertanian, hutan simpan dan hutan rekreasi, dan habitat asal untuk memelihara alam khazanah negara tersebut. Eko-pelancongan merupakan satu daripada jenis pelancongan yang mempunyai potensi perkembangan yang paling besar dalam industri pelancongan dunia (Hashim, 2013). Malaysia khususnya mempunyai kedudukan yang baik untuk mengeksploitasi perkembangan ini dengan anugerah alam semulajadi yang luas dan penuh dengan tarikan yang menakjubkan. Khazanah semulajadi terdiri daripada lebih 70 peratus muka bumi yang masih diliputi pohon-pohon yang menghijau; 50 peratus darinya dalam bentuk hutan hujan tropika semula jadi, dan sebahagian warisannya dari hutan hujan yang berusia lebih 30 juta tahun. Semua khazanah tersebut mampu diolah oleh negara ini ke arah mewujudkan satu industri pelancongan yang unik dan menarik. Tambahan pula Malaysia juga kaya dengan sumber semulajadi yang lain seperti flora dan fauna yang unik, pantai yang putih bersih, serta hidupan laut eksotik.

Namun begitu dalam keghairahan membangunkan eko-pelancongan atau pelancongan berasaskan semulajadi ini, interpretasi merupakan satu alternatif sebagai alat pengurusan pelawat dalam mengimbangi antara pembangunan dan pemeliharaan alam semulajadi. Interpretasi disesuatu kawasan pelancongan khususnya di kawasan perlindungan alam sekitar bertujuan memberi maklumat dan mendidik pelawat. Ia merupakan proses meningkatkan pemahaman pelawat menggunakan objek yang ada

disekitar kawasan yang dilawati. Ia boleh berlaku dalam bentuk aktiviti seperti semasa lawatan berpandu, di pusat informasi, muzium dan zoo (Moscardo, 1998)

Sementara itu, perubahan tren motivasi pelawat berkunjung ke kawasan taman negara sentiasa berlaku. Tujuan, keinginan dan jangkaan mereka terhadap destinasi yang dikunjungi perlu difahami oleh pihak pengurusan taman negara. Kualiti pengalaman yang diterima oleh pelancong ketika melawat kawasan bakal menentukan tahap tarikan destinasi pelancongan tersebut (Vitterso, 2000). Oleh itu, pelbagai inovasi atau pembaharuan perlu dilaksanakan sama ada dari bentuk fizikal iaitu perkhidmatan dan produk yang ditawarkan mahupun pendekatan lain. Program dan aktiviti yang dijalankan disesebuah destinasi pelancongan merupakan satu daripada bentuk interpretasi kepada pelawat. Ia turut dinyatakan oleh Moscardo (1998) yang mengulas interpretasi sebagai suatu usaha menyediakan informasi atau pengetahuan kepada pengunjung berkenaan sesuatu kawasan serta menggalakkan mereka untuk menghargai dan memelihara kawasan tersebut.

Pendekatan dan peranan oleh pengurusan dalam menyediakan informasi kepada pelancong merupakan sebahagian daripada aktiviti pelancongan (Afiqah, 2010). Peranan utama yang perlu dititikberatkan merangkumi keseluruhan bermula dari maklumat asas keselamatan dan petunjuk arah sehinggalah maklumat terperinci tentang tarikan atau sejarah sesuatu kawasan. Sekiranya maklumat dapat difahami oleh pengunjung, ia mampu menentukan tahap keberkesanan interpretasi di kawasan pelancongan tersebut. Ia turut dinyatakan oleh Lane (1991) dimana kualiti pengalaman pelancong merupakan perkara penting untuk memahami secara mendalam tentang sesuatu kawasan, lanskap dan hidupan di sesuatu kawasan. Tambahan lagi, berpandukan Garis Panduan Ekopelancongan Malaysia, 1997 turut menyatakan pengalaman pelancong juga dapat dipertingkatkan dengan reputasi yang baik dan tahap kepuasan mereka ketika lawatan ke kawasan pelancongan.

Pada masa kini, pelbagai program interpretasi dirancang setiap tahun. Aktiviti seperti ini melibatkan pelbagai destinasi pelancongan seperti taman negara, zoo, kawasan bersejarah dan kebudayaan. Penglibatan kumpulan yang besar dalam aktiviti yang berasaskan alam semulajadi semakin menjadi pilihan dengan kesedaran tentang alam semulajadi. Tambahan pula, institut pendidikan dan sekolah menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam program interpretasi berasaskan semulajadi. Ini sangat penting dalam menggalakkan pelajar menghargai dan memelihara alam semulajadi.

Berdasarkan Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor 2014-2023, Taman Negara Tanjung Piai merupakan salah satu daripada 13 produk utama dalam kluster pembangunan produk pelancongan. Destinasi ini gah dengan jolokan nama Tanah Paling Selatan Benua Asia, menyimpan pelbagai khazanah berharga alam semulajadi termasuk hutan paya bakau, flora serta fauna sebagai ikon pelancongan Johor yang terkenal di mata dunia. Secara umumnya, Taman Negara Tg. Piai yang terletak di Pontian ini boleh dikategorikan sebagai antara pusat interpretasi pelawat kerana dilengkapi dengan media interpretasi grafik yang pelbagai. Sekiranya berkunjung ke taman negara ini, pelawat dapat melihat pelbagai bentuk interpretasi grafik seperti pameran, papan tanda, laluan pejalan kaki, menara pelantar, glob dunia dan banyak lagi. Pelbagai informasi dapat dilihat melalui bahan grafik yang dipamerkan dalam membantu pelawat memahami kepentingan memelihara Taman Negara Tanjung Piai sebagai kawasan perlindungan alam semulajadi.

Wiendu (2005), menyatakan bahawa skop interpretasi dalam eko-pelancongan dapat dilihat secara luas dan kompleks. Oleh itu, ia menunjukkan pemahaman terhadap kaedah interpretasi yang berkesan perlu agar matlamat pembangunan dapat dicapai secara optimum. Salah satu medium interpretasi secara langsung dalam penyampaian maklumat yang digunakan oleh Taman Negara Tanjung Piai ialah Interpretasi Grafik.

1.2 **Penyataan Masalah**

Terdapat beberapa isu yang menarik minat pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Antara isu-isu utama ialah kebanyakan kawasan tarikan berasaskan semulajadi yang dijadikan kawasan pelancongan kurang menarik minat pengunjung. Ini mungkin disebabkan keadaan dan suasana kawasan tarikan yang tiada penambahbaikan dari segi penyampaian informasi, latarbelakang dan keistimewaan tapak. Faktor ini mungkin disebabkan kelemahan didalam menginterpretasi sumber warisan yang ada kepada bentuk atau media yang lebih bersesuaian mengikut perkembangan terkini.

Selain itu, bahan informasi tidak diinterpretasi dan dipersembahkan dengan menarik dan kurang penyampaian maksud kepada pengunjung. Usaha yang dilaksanakan oleh taman negara ini dalam menyampaikan maklumat boleh dilihat sepanjang laluan rintisnya. Pelawat dapat melihat papan tanda dengan arahan dan label tertentu sepanjang merentasi taman negara ini. Namun begitu, isu yang timbul ialah pemahaman pelawat terhadap interpretasi sangat rendah. Interpretasi grafik ini sangat terhad penggunaannya. Masalah yang timbul ialah mesej yang ingin disampaikan kurang bersesuaian dengan pelawat yang terdiri daripada pelbagai usia khususnya pelajar sekolah. Perkara yang kedua ialah kesesuaian penggunaan bahasa dan arahan yang digunakan. Tahap pemahaman yang rendah pada setiap interpretasi grafik yang digunakan di taman negara ini yang tidak selari dengan pemahaman khasnya pelawat yang terdiri dari pelajar sekolah.

Selain itu, lokasi atau perletakan papan tanda yang sesuai juga menjadi faktor yang penting dalam penggunaan interpretasi grafik. Kedudukan yang tepat dan mudah dilihat oleh pelawat dari aras mata yang sesuai. Dalam kajian ini, pelawat yang terdiri dari pelajar sekolah perlu menyedari kewujudan papan tanda maklumat misalnya untuk menerima mesej yang disampaikan. Perletakan yang kurang sesuai dimana jauh dari aras mata akan menjadikan interpretasi grafik yang digunakan adalah sia-sia.

Seterusnya ialah penyesuaian penggunaan interpretasi grafik seperti ruang pameran dengan pelawat. Pameran ialah salah satu interpretasi grafik yang digunakan bagi menarik perhatian pelawat tentang tarikan utama yang terdapat di sesuatu kawasan. Ia seolah-olah sebagai panduan kepada pelawat tentang apa yang bakal mereka temui di dalam taman negara. Zon pameran yang terletak dibahagian hadapan sebelum melau laluan rintis merupakan peluang untuk memberi tanggapan pertama untuk menarik minat pelawat. Suasana yang kurang pencahayaan di ruang pameran akan membantutkan keinginan pelawat bagi menerokai informasi yang ingin disampaikan. Lebih malang lagi apabila pelawat tidak mengendahkan ruang pameran sedangkan mereka melalui ruang itu. Kesannya, situasi ini akan mengurangkan potensi untuk pelawat menemui tarikan utama yang boleh dilihat ditaman ini.

Selain daripada isu tersebut ialah penggunaan teknologi yang ada tidak dioptimumkan sebagai potensi untuk menarik minat pelawat. Ruang pameran yang tidak dipelbagaikan sumber interpretasinya menjadi faktor kurangnya keberkesanan interpretasinya. Sumber interpretasi ialah objek yang digunakan untuk memudahkan pelawat memahami apa yang ingin disampaikan kepada pelawat. Bersesuaian dengan pelawat dari kalangan pelajar yang merupakan generasi Y, adakah hanya dengan objek pegun sebagai bahan pameran masih relevan digunakan diruang pameran? Kajian ini dijalankan bagi mengetahui keberkesanan media interpretasi grafik terhadap pelajar sekolah menengah. Kaedah penyampaian maklumat melalui medium ini perlu dikaji bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam setiap medium interpretasi grafik yang digunakan. Adalah diharap melalui penyelidikan ini, dapat mengenalpasti apakah tarikan utama Taman Negara Tanjung Piai dan dapat mengenalpasti sumber interpretasi serta cadangan-cadangan penambahbaikan untuk tapak warisan.

Tahap keberkesanan media interpretasi banyak dijadikan bahan kajian oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Perbezaan kajian antara pengkaji adalah berdasarkan penggunaan media dan kawasan yang terlibat. Terdapat pengkaji yang menguji satu jenis media interpretasi sahaja dan tidak kurang juga yang menggunakan pelbagai


media interpretasi dalam kajian mereka. Selain itu, ada pengkaji yang melakukan perbandingan penggunaan interpretasi di kawasan yang berbeza dalam satu masa.

Berdasarkan kajian oleh Vezeau (2014), pengkaji telah menggunakan media interpretasi personal untuk mengkaji keberkesanan program junior renjer terhadap pelajar-pelajar sekolah. Berbeza dengan kajian ini, pengkaji menggunakan pelajar sekolah rendah iaitu had umur antara 8 hingga 13 tahun sebagai responden. Dapatan kajian juga mendapati interpretasi personal berkesan dengan adanya program yang tersusun dan komunikasi berkesan antara jurupandu dan pelawat.

Kajian lepas seperti yang dijalankan oleh Huaai-yu (2002) pula mengkaji keberkesanan penggunaan kedua-dua media interpretasi iaitu personal dan grafik. Pengkaji mengkaji keberkesanan brosur dan *self-guide trail* di Taman Negara Taroko, Taiwan. Dapatan dari kajian ini menunjukkan kedua-duanya memainkan peranan penting dalam lawatan mereka. Selain itu, brosur memainkan peranan utama bagi *self-guided trail* dalam memberi informasi kepada pelawat. Jika dilihat dari kajian ini, kedua-dua interpretasi juga dikaji untuk mengetahui keberkesanannya kepada pelawat.

Selain itu, terdapat kajian terdahulu oleh Vagias (2009) yang membandingkan keberkesanan interpretasi media personal iaitu program pendidikan antara dua taman negara di United States. Dalam kajian ini mendapati strategi berkesan menghubungkan mesej, objek dan pelawat memainkan peranan dalam keberkesanan media jenis ini. Jika dilihat kebanyakan kajian terdahulu menggunakan jenis media yang terhad bagi mengukur keberkesanannya dikalangan pelawat. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui kesesuaian interpretasi secara lebih meluas menggunakan empat interpretasi yang ada di taman negara. Antaranya ialah buku panduan/risalah/brosur, papan tanda bermaklumat, galeri pameran dan jurupandu/renjer/*interpreter*.

Rajah 1.2, menunjukkan rangka kerja tahap keberkesanan media interpretasi sebagai panduan pengkaji menjalankan proses kajian ini.



Rajah 1.2 Rangka Kajian Tahap Keberkesanan Interpretasi Media

Rangka kerja konsep kajian dalam rajah 1.2 ini menunjukkan tahap keberkesanan interpretasi media personal dan grafik. Jika dilihat dari rajah tersebut, terdapat tiga item yang diperlihatkan iaitu:

1.2.1 Media Interpretasi

Media interpretasi bagi kajian ini melibatkan dua jenis media interpretasi iaitu interpretasi personal dan interpretasi grafik. Media interpretasi personal berlaku apabila pelawat berinteraksi secara langsung dengan jurupandu/renjer/*interpreter* semasa lawatan berpandu, ceramah atau persembahan. Manakala media interpretasi grafik pula informasi bercetak berbentuk buku panduan, brosur ataupun risalah berkaitan dengan sesuatu sumber tarikan.

1.2.2 Pelawat

Bagi kajian ini, pelawat merupakan sesiapa yang mengunjungi Taman Negara Tanjung Piai yang terdiri daripada golongan pelajar sekolah menengah. Pengkaji menggunakan skala umur antara 13 hingga 20 tahun sebagai responden kajian ini.

1.2.3 Keberkesanan Media Interpretasi

Keberkesanan media interpretasi akan diuji berdasarkan persetujuan terhadap elemen-elemen bagi keempat-empat media interpretasi yang disenaraikan dalam borang kajiselidik. (Rujuk lampiran 1).

Ketiga-tiga item ini akan dibincangkan dengan terperinci dalam dapatan kajian iaitu bab 4. Berdasarkan rangka kajian, dapatan kajian ini nanti berupaya untuk mengetahui sejauh mana tahap kebergantungan dan kepelbagaian penggunaan media interpretasi oleh pelawat di kawasan kajian menentukan tahap keberkesanan interpretasi media tersebut.

1.3 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian yang ingin diketengahkan di Taman Negara Tg. Piai (TNTP) ialah:

- 1.3.1 Apakah jenis-jenis media interpretasi yang menjadi tarikan dan minat pelajar sekolah menengah di TNTP
- 1.3.2 Sejauh manakah tahap keberkesanan media interpretasi sedia ada dikalangan pelajar sekolah menengah
- 1.3.3 Bagaimanakah cara untuk meningkatkan keberkesanan media interpretasi dikalangan pelajar sekolah menengah.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan di Taman Negara Tg. Piai (TNTP) dalam mencapai beberapa objektif seperti berikut:

- 1.4.1 Mengenalpasti jenis-jenis media interpretasi yang menjadi tarikan dan minat di kalangan pelajar sekolah menengah di TNTP
- 1.4.2 Mengkaji tahap keberkesanan media interpretasi sedia ada dikalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.3 Mendapatkan pandangan dan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian untuk peningkatan keberkesanan media interpretasi.

1.5 Skop Kajian

Matlamat dan objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini meliputi kajian terhadap media interpretasi di Taman Negara Tg. Piai (TNTP). Berikut merupakan beberapa skop yang telah dibentuk untuk dijadikan panduan khusus di dalam kajian ini.

- 1.5.1 Memahami definisi, konsep dan prinsip interpretasi sebagai pendekatan pelancongan dan *Visitor Management Tools*.
- 1.5.2 Mengkaji peranan interpretasi sebagai faktor utama dalam meningkatkan pemahaman yang jelas terhadap maklumat yang ingin disampaikan.

1.6 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian terbahagi kepada empat peringkat yang berikut:

1.6.1 Peringkat Awal

Pada peringkat ini, pengkaji perlu memahami isu dan masalah kajian terlebih dahulu. Kemudian, berdasarkan masalah yang dinyatakan, proses menentukan matlamat, objektif dan skop kajian akan ditentukan. Isu dan masalah yang dikenalpasti ialah masalah interpretasi yang kurang berkesan di taman negara. Kemudian, pengkaji menentukan kawasan kajian yang dikenalpasti iaitu Taman Negara Tg. Piai, Pontian. Semasa peringkat ini, bacaan awal berkaitan topik kajian dapat membantu pengkaji untuk memulakan proses awalan kajian.

1.6.2 Peringkat Pengumpulan Data

Peringkat kedua ialah proses pengumpulan data. Proses pengumpulan yang terperinci dan lengkap diperlukan yang berkaitan dengan kawasan kajian perlu dilaksanakan. Pengkaji perlu memberi penekanan kepada teori-teori yang telah

dikenalpasti serta fakta-fakta dari pelbagai bahan penulisan akademik berkaitan topik kajian. Contoh rujukan ialah jurnal, buku rujukan, pelan, garis panduan, keratan akhbar, kertas kerja seminar, laporan tahunan dan lain-lain.

1.6.3 Peringkat Analisis Data


Menerusi kajian ini, maklumat-maklumat yang dikumpul mula dianalisa melalui beberapa kaedah kajian iaitu pengamatan dan pengedaran borang kaji selidik. Data-data yang diperolehi melalui borang soal selidik akan dipindahkan ke dalam perisian SPSS bagi mendapatkan jumlah, peratusan, pengelasan dan sebagainya. Kemudian data-data tersebut diterjemahkan dengan lebih jelas secara penjadualan, graf dan sebagainya.

Melalui data yang telah dianalisis, segala masalah dan isu akan dikupas dengan terperinci sebagai bukti penemuan di akhir bab empat ini nanti. Hasil penemuan kajian akan dijadikan rujukan sebagai rumusan di akhir bab nanti.

1.6.4 Peringkat Rumusan

Pada peringkat ini, pembentukan rumusan akan dibuat berdasarkan dapatan yang diperolehi sepanjang kajian yang dilakukan. Implikasi ke atas dapatan kajian akan dibincangkan dengan lebih mendalam. Dalam kajian ini, pengkaji akan membincangkan jenis-jenis interpretasi media yang sedia ada di TNTTP. Selain itu, pengkaji juga akan mengkaji sejauh mana tahap keberkesanan interpretasi sedia ada dikalangan pelajar sekolah menengah khususnya dikawasan kajian. Seterusnya, berdasarkan rumusan, pengkaji juga akan menyatakan cadangan untuk meningkatkan keberkesanan interpretasi dikalangan pelajar sekolah menengah. Akhir sekali, dalam rumusan keseluruhan kajian akan menyimpulkan hubungan antara keberkesanan media interpretasi dan pengalaman yang diperolehi pelawat.

CARTA ALIR PENDEKATAN KAJIAN



Rajah 1.6.4: Carta Alir pendekatan Kajian

1.7 Kawasan Kajian


1.7.1 Pengenalan

Kawasan kajian yang dipilih bagi kajian ini adalah di Taman Negara Tanjung Piai, Pontian, Johor. Pemilihan kawasan kajian ini dibuat adalah merujuk kepada beberapa justifikasi iaitu TNTP merupakan kawasan eko-pelancongan yang berada didalam kawasan sensitif alam sekitar (KSAS), kawasan eko-pelancongan yang kaya dengan flora dan fauna yang perlu dipelihara dan juga kawasan eko-pelancongan yang bertaraf dunia yang sering dikunjungi pelancong dalam dan luar negara. Dengan justifikasi yang telah dikenalpasti tersebut, taman ini amat sesuai untuk dijadikan kawasan kajian bagi mengetahui tahap keberkesanan media interpetasi bagi kawasan ini.

1.7.2 Latarbelakang Pembangunan TNTP

Tanjung Piai dinamakan sempena pokok bijirin tempatan yang dikenali sebagai pokok paku piai. Ia merupakan antara lima taman negara yang terdapat dalam negeri Johor yang diuruskan oleh Jabatan Perbadanan Taman Negara Johor (JPTNJ). Sebelum ianya diiktiraf sebagai taman negara, Tanjung Piai adalah dibawah kendalian Jabatan Perhutanan dimana ia secara rasminya diluluskan dan diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Johor sebagai Taman Negara Johor pada tahun 1997. Kemudiannya pada tahun berikutnya, kawasan paya bakau di Tanjung Piai telah dibuka kepada orang ramai dan dijadikan sebagai kawasan tarikan pelancongan. Taman ini juga telah diisytiharkan tapak Ramsar pada 31 Januari 2003. Ramsar mengambil sempena nama sebuah bandar di Iran yang menjadi tuan rumah Konvensyen Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa yang pertama pada tahun 1971. Tujuan utama konvensyen ini adalah untuk memulihara tanah lembap yang merupakan tempat berehat dan mencari makanan bagi burung-burung hijrah.

Taman Negara Tanjung Piai terletak 90 kilometer dari bandaraya Johor Bahru. Selain itu, Tanjung Piai juga terkenal dengan gelaran kawasan terselatan benua Asia yang mana ia merupakan tarikan utama negeri Johor ini berada di daerah Pontian. Ia mempunyai kepelbagaian khazanah alam semulajadi seperti paya bakau dalam mengekalkan habitat flora dan fauna yang mendiami taman negara ini. Keseluruhan kawasan Taman Negara Tanjung Piai meliputi 526 hektar kawasan bakau dan 400 hektar kawasan tanah lembut dan berlumpur.



Rajah 1.7.1: Lokasi Taman Negara Tanjung Piai

1.7.3 Keunikan dan tarikan utama TNTP

Keunikan dan tarikan ditaman ini terdiri daripada sumber alam semulajadi yang terdapat disini. Salah satu diantaranya ialah pokok kayu bakau dimana terdapat sebanyak 26 jenis pokok bakau seperti *Rhizophora apiculata-Bruguier cylindrical*. Hutan bakau yang luas ditaman ini telah digazetkan sebagai Hutan Simpan Paya Bakau oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Hutan bakau ini membentuk koridor paya bakau yang menyambungkan Pulau Kukup dengan tanah lembap Sungai Pulai. Pokok bakau ini berfungsi dalam melindungi pesisiran pantai daripada hakisan dan menghindari banjir, disamping memberikan perlindungan habitat dan pembiakan ikan, ketam, udang, pelbagai jenis molaska dan binatang-binatang lain.

Selain itu, tarikan lain adalah flora dan fauna yang lain yang menjadikan kawsaan ini sebagai habitat. Spesis burung merupakan spesis yang banyak terdapat dan dijumpai di TNTP ini. Semasa musim migrasi yang jatuh sekitar bulan September dan Mac akan memperlihatkan spesis-spesis burung yang datang dari luar untuk singgah berehat bagi meneruskan perjalanan ke destinasi yang dituju. Selain itu, TNTP juga mempunyai banyak fauna yang sukar dijumpai di tempat lain seperti *Macaca fascicularis*, *ophiophagus hannah*, *pteropus vamprus* dan lain-lain. Jelaslah disini bahwa TNTP merupakan syurga bagi pelbagai spesis flora dan fauna dan ianya berpotensi besar dalam menarik pelancong untuk datang dan melihat sendiri flora dan fauna yang terdapat di TNTP ini.

Selain tarikan semulajadi, terdapat tarikan buatan yang menjadi pelengkap kepada tarikan utama di taman negara ini. Bersebelahan pintu masuk ke Taman Negara Tanjung Piai dibina sebuah mercu tanda bagi menggambarkan bahawa Tanjung Piai ialah “Tanah Paling Selatan Benua Asia”. (Rujuk rajah 1.7.3). Mercu tanda yang berukuran 20 meter tinggi dan 10 meter lebar ini dibina oleh kerajaan negeri Johor pada tahun 2001. Bahan binaan mercu tanda ini ialah gentian konkrit mesra alam berwarna kelabu. Warna kelabu dipilih bagi menggambarkan kekayaan hutan paya pakau dan dataran lumpur yang terdapat di penghujung Benua Asia ini.



Rajah 1.7.3: Mercu Tanda Taman Negara Tanjung Piai

Pada permukaan mercu tanda diukir dua pelepah pokok piawai raya (*acrostichum aureum*) bagi mengabadikan sejarah nama Tanjung Piai. Pokok piawai raya ini didapati tumbuh dengan banyaknya bersama-sama pokok bakau di sini. Manakala perkataan Tanjung pula bermaksud tanah atau tanah tinggi yang menganjur ke laut. Selain itu, peta dunia yang terpapar menjelaskan kedudukan sebenar “Tanah Paling Selatan Benua Asia” supaya dapat dihayati dan dihargai oleh para pelawat.

Kemudahan laluan rintis turut disediakan bagi membantu pelawat melalui kawasan bakau berlumpur ini. Sebaik sahaja masuk ke kawasan taman terdapat laluan rintis berupa jambatan kayu yang dibina merentasi hutan paya bakau ke beberapa destinasi atau laluan. Terdapat juga laluan untuk ke pelantar yang sering menjadi tumpuan kaki pancing. Pelantar yang dibina menganjur ke laut Selat Melaka ini dibina sebagai sebuah mercu tanda berbentuk bumi bagi menggambarkan bahawa di sinilah titik paling hujung di Benua Asia. Di samping itu, pelantar ini juga menjadi tempat pelawat menikmati keindahan Selat Melaka. Dari jauh, pelawat juga berpeluang melihat kapal-kapal yang melalui selat ini. Sewaktu cuaca cerah, Pulau Kerimon, Indonesia juga dapat dilihat dari pelantar ini.

1.7.4 Kemudahan TNTP

Kemudahan yang disediakan di dalam kawasan TNTP adalah di bawah kendalian Jabatan Perbadanan Taman Negara Johor. Tujuan utamanya adalah bagi memudahkan pergerakan pelancong semasa melakukan lawatan ditaman ini. Sumber kewangan yang digunakan untuk menambahbaik kemudahan didalam kawasan TNTP adalah diperolehi dari pada pelbagai sumber seperti hasil yuran masuk pelancong ke TNTP, peruntukan dari kerajaan terutamanya Kementerian Pelancongan Malaysia dan sumbangan dari Iskandar Region Development Authority (IRDA).

Kemudahan yang disediakan adalah selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa bagi kawasan pelancongan

berstatus kawasan lindungan alam sekitar. Selain itu, pembangunan di dalam kawasan TNTP adalah selari dengan syarat-syarat penyediaan kemudahan di kawasan pinggir pantai. Diantara kemudahan yang disediakan di kawasan TNTP adalah seperti berikut:

a) Jalan masuk

TNTP mempunyai dua pintu masuk iaitu melalui Tanjung Piai Resort dan Sungai Belukang. Kawasan TNTP adalah kawasan luar bandar namun, jalan masuk yang lebar dan bertar telah siap dibuat dan ianya memudahkan pelancong untuk sampai ke kawasan TNTP ini. Selain itu, dengan adanya penyediaan papan tanda petunjuk arah telah memudahkan lagi pelancong dari luar untuk sampai ke kawasan TNTP dengan menggunakan jalan masuk utama.

b) Tapak Perkhemahan

Suasana malam di kawasan hutan paya bakau amatlah berbeza dan mempunyai ciri-ciri alam semulajadinya yang tersendiri. Jadi beberapa tapak perkhemahan telah dibina bagi memudahkan pelancong untuk berkhemah di kawasan paya bakau dan merasakan suasana alam semulajadi yang indah ini. Tapak perkhemahan yang disediakan ini terletak di atas pelantar kayu dan ianya dihubungkan dengan laluan rintis (*boardwalk*). Selain itu, kemudahan seperti tandas, ruang memasak, bangku dan paip air disediakan berdekatan kawasan tapak khemah bagi memudahkan pelancong. Walaupun pelawat perlu membayar sewa tapak namun ianya pasti memberikan pengalaman yang amat bermakna bagi pelancong sekiranya berkhemah di kawasan TNTP ini.

c) Menara pemerhati

Pembinaan menara pemerhati adalah untuk memudahkan pelancong menikmati keindahan pantai dan merasa kedamaian bayu laut pada aras yang lebih tinggi. Selain itu, ianya juga membantu pelancong yang menggemarkan burung untuk melihat burung dari kawasan menara pemerhati ini. Struktur menara pemerhati yang tinggi dan diperbuat dari kayu telah dihubungkan dengan laluan rintis (*boardwalk*) dan ianya memudahkan pelancong untuk menggunakannya.

d) Tempat letak kenderaan

Pada bulan April 2013, pihak pengurusan TNTP telah memperbesarkan lagi kawasan tempat letak kenderaan. Kedudukan tempat letak kenderaan yang berada dipintu masuk TNTP telah memudahkan pelancong untuk meletakkan kenderaan dan sampai dengan lebih cepat di TNTP. Selain itu, tiada bayaran tambahan yang dikenakan kepada pelancong yang meletak kenderaan mereka.

e) Bangku dan Pondok istirehat

Terdapat 10 buah pondok istirehat (gazebo) dibina di sepanjang kawasan pelancongan ini. Kesemuanya dibina sendiri oleh pihak perbadanan melalui Unit Pembangunan Taman Negara Tanjung Piai. Disini pengunjung boleh beristirehat dan bersantai sambil menikmati keindahan pantai dan hutan paya bakau.

f) Kompleks penerangan pelancongan

Kompleks ini merupakan tumpuan utama pelancong bagi mendapatkan informasi dan maklumat berkaitan TNTP. Kompleks ini dilengkapi dengan bilik galeri, kaunter pertanyaan, pejabat, beserta bilik taklimat yang berhawa dingin. Banyak informasi dan maklumat yang berguna yang telah disediakan oleh pihak pengurusan bagi membantu pelancong mempelajari alam semulajadi dan spesies-spesies yang terdapat di dalam kawasan TNTP ini. Kompleks ini juga menjadi tumpuan pelancong yang datang buat kali pertama kerana ianya akan dijadikan sebagai rujukan ketika berekreasi di dalam kawasan TNTP.

g) Jeti

Bagi pemancing yang menggemari aktiviti memancing ikan laut, pihak pengurusan telah menyediakan jeti bagi mereka yang ingin memancing di dalam kawasan TNTP. Antara ikan yang sering dipancing oleh pemancing didalam kawasan TNTP adalah seperti ikan siakap. Walaupun pemancing dikenakan bayaran untuk memancing, namun ianya amatlah berbaloi sekiranya mendapat hasil tangkapan yang banyak. Selain itu, jeti yang dibina diatas laut ini juga membolehkan pelancong untuk merasai angin laut dan melihat pemandangan hutan paya bakau.

h) "Boardwalk" atau laluan rintis

Kemudahan siar kaki disediakan disepanjang hutan paya bakau dan menawarkan pengunjung pengalaman siar kaki merentasi hutan paya bakau tersebut sambil menikmati suara alam dan pemandangan yang jarang-jarang dilihat di tempat lain.

i) Papan tanda

Papan tanda bermaklumat yang disediakan oleh pihak pengurusan adalah bertujuan untuk memberikan pendidikan secara tidak langsung kepada pelancong. Papan tanda bermaklumat ini memberikan pendidikan mengenai spesies tumbuhan dan haiwan yang hidup dalam kawasan paya bakau. Selain itu, penyediaan papan tanda peringatan juga telah digunakan sebagai papan tanda bagi mengingatkan pelancong mengenai perkara yang dilarang semasa di dalam kawasan TNTP.

1.7.5 Inventori Media interpretasi

Media Interpretasi yang terdapat dikawasan taman negara ini boleh dikategorikan kepada dua jenis media interpretasi iaitu media interpretasi personal dan media interpretasi grafik. Kedua-dua jenis media ini digunakan bagi meningkatkan pengalaman pelawat semasa berkunjung ditaman ini selain berfungsi dalam memberi maklumat penting berkaitan tarikan dan informasi kepada pelawat. Kedua-dua jenis interpretasi ini dapat diringkaskan melalui jadual 1.7.4 dimana kebanyakannya akan dibincangkan tahap keberkesanannya dalam kajian ini.

Jadual 1.7.5: Jenis-jenis media interpretasi

JENIS-JENIS MEDIA INTERPRETASI	
Personal	Grafik
Ceramah	Galeri Pameran
Program Konservasi dan gotong royong	Papan tanda bermaklumat
<i>Ranger-guided</i> program	Buku Panduan, Brosur dan Risalah
Perkhemahan	

Media interpretasi personal merupakan interaksi secara bersemuka dalam menyampaikan maklumat dari interpreter kepada pelawat. Antara aktiviti yang terlibat dibawah kategori media ini adalah perkhemahan, aktiviti memancing, melihat kunang-kunang, program gotong-royong dan melihat pemandangan serta keindahan Selat Teberau. Media ini lebih memerlukan banyak penglibatan pelawat seperti melalui demonstrasi, pergerakan dan sebagainya. Penglibatan yang aktif ini mampu menarik perhatian pelawat.

Selain itu, media interpretasi grafik juga memainkan peranan dalam memberi informasi kepada pelawat yang berkunjung di taman ini. Contohnya seperti galeri pameran yang berada di laluan masuk taman negara, papan tanda bermaklumat sepanjang laluan rintis di Tanjung Piai, dan buku panduan, risalah dan brosur. Melalui media seperti ini, pelawat boleh mendapatkan maklumat tentang tarikan utama, latarbelakang dan maklumat lain yang dipamerkan dalam kawasan taman. Penerangan yang disertakan gambar berkaitan memudahkan proses pemahaman oleh pelawat.

1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan bagi kajian ini boleh memberi faedah kepada beberapa golongan utama iaitu:

1.8.1 Pelawat Taman Negara Tg. Piai (khasnya pelajar sekolah menengah)

Dapatan kajian ini nanti mampu menjadikan interpretasi media sebagai landasan utama dalam meningkatkan kualiti pengalaman pelancong. Ini kerana berdasarkan pemerhatian, interpretasi bukanlah satu faktor utama mengapa pelawat dalam mengunjungi taman negara ini. Oleh itu, dengan meningkatnya peranan media interpretasi personal dan grafik, maka pelawat akan lebih berpuas hati dan mengunjungi taman ini untuk kali kedua dan seterusnya. Keinginan untuk berkongsi pengalaman dan mempromosi taman negara ini juga dapat dipertingkatkan. Secara tidak langsung, statistik kedatangan pelawat atau pengunjung akan bertambah.

Selain itu, dengan adanya kajian ini diharap dapat menyuntik semangat dan nilai pendidikan alam sekitar kepada masyarakat khususnya para pelajar. Disamping itu, pelawat juga dapat menghargai khazanah semulajadi yang ada disamping dapat membantu mengekalkannya.

1.8.2 Pihak Pengurusan Taman Negara Tg. Piai (Johor Parks)

Secara amnya, dapatan kajian ini telah menjadi pengukur kepada tahap keberkesanan media interpretasi sedia ada di taman negara ini. Justeru itu, pihak pengurusan Taman Negara Johor mendapat gambaran secara terperinci berkenaan kesesuaian penggunaan media interpretasi personal dan grafik dikalangan pelawat. Oleh itu, langkah segera dapat diambil samada bagi proses penambahbaikan mahupun pembaharuan media interpretasi di taman negara ini. Kesannya mampu meningkatkan kualiti perkhidmatan taman negara pada masa akan datang. Seterusnya mampu menjadi ikon terbaik bagi taman negara seluruh Malaysia.

RUJUKAN

- Bacher, K., Baltrus, A., Barrie, B., Bliss, K., Cardea, D., Chandler, L., ... Coordinator, C. R. (n.d.). *Foundations of Interpretation What is Effective Interpretation ?*, 1–24.
- Eagles, P.F.J., McCool, S.F., and Haynes, C.D. (2002). *Sustainable Tourism in Protected Areas in the USA: Guidelines for Planning and Management*. Cambridge: IUCN Publication Services Unit.
- Goh, H.C. (2008), "Sustainable tourism and the influence of privatisation in protected area management: A case study of Kinabalu Park", *Ecology and Development Series*, 57.
- Ham, S. H., & Ph, D. (2007). *An evaluation of effectiveness of school based interpretive program at Fundy National Park of Canada*
- Ham, S., Housego, A. & Weiler, B., 2005, *Tasmanian thematic interpretation planning manual, Tourism Tasmania, Hobart*.
- Haretsebe Manwa, 2012. Performance Management in a Interpretive Setting: Tour Guide in South African National Park, *Journal of Contemporary Management*.
- Hwang, S.N., Lee, C., and Chen, H.J.,(2005). The Relationship Among Tourists's Involvement, Place Attachment and Interpretation Satisfaction in Taiwan's National Parks. *Tourism Management*. 26 (2) 143-156.
- Hughes, M. & Morrison-Saunders, A. (2005). ' Interpretation, Activity Participation, and Environmental Attitudes of Visitors to Penguin Island, Western Australia', *Society and NaturalResources*, 18:611-624

- Kim, A. K., Airey, D., & Szivas, E. (2007). *The multiple assessment of interpretation effectiveness: Promoting visitors' environmental attitudes and behavior* Aise KyoungJin Kim, David Airey and Edith Szivas, (1995).
- Knapp, D. (2003). *Elements to successful Interpretation: A Multiple Case of Five National Park. Journal of Interpretation Research*, 10-23.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement.
- Knudson, D.S, Cable, T.T, and Beck, L. 1995). *Interpretation of Cultural and National Resources*. Cato Avenue, State College: Venture Publishing, Inc.
- Moscardo, G. (1996). *Mindful Visitors: Heritage and Tourism. Annals of Tourism Research*. 28(3):784-807
- Mohd Hafizal (2008). The Role of Interpretive Signages in enhancing in enhancing conservation knowledge, awareness and behaviour among visitor at the Penang National Park, Malaysia.
- Munro, J.K., Morrison-Saunders, A. & Hughes, B (2008), " Environmental interpretation evaluation in natural areas", *Journal of Ecotourism*, 7 (1): 1-14.
- Okello, M.M. (2005), "Survey of Tourist Expectations and Economic Potential for a Proposed Wildlife Sanctuary in a Maasai Group Ranch near Amboseli, Kenya", *Journal of Sustainable Tourism*, 13 (6);566-585.
- Roberts, M., Mearns, K., Edwards, V., Kingdom, U., Africa, S., & Business, H. (2014). *Evaluating the effectiveness of guided versus non-guided interpretation in the Kruger National Park , South Africa*, (Weaver), 1–8. doi:10.4102/koedoe.v56i2.1160
- Sharpe, G., W. (1976). *Interpreting the Environment*. Toronto: John Wiley & Sons, Inc.

- Shu Yun Cheng (2005) 'An evaluation of Heritage Interpretation Services in Taiwan'
- Spencer.H.M. (2005). *Evaluating Interpretation Services Performance: A case Study in Sabah Agriculture Park.*
- Tilden, F. (1957). *Interpreting our Heritage: Principles and Practice for Visitor Services in Parks, Museum and Historic Places.* North Carolina: North Carolina Press
- Timothy, D.J, and Boyd, S.W. (2003). *Heritage Tourism. Essex, England: Prentice Hall*
- Tubbs, K.N. (2003). An evaluation of the effectiveness of Interpretation within Dartmoor National Park in reaching the goals of sustainable tourism development. *Journal of Sustainable Tourism*, 11 (6), 476-498.
- Vagias, W. M. (2009). *An Examination Of The Leave No Trace Visitor Education Program In Two Us National Park Service Units .*
- Wearing, S., & Edinborough, P. (2008). *Enhancing Visitor Experience Through Interpretation : An Examination of Influencing Factors Sustainable Tourism* Australia: Cataloguing-in-Publication, Sustainable Tourism Pty Ltd .